

25/03/1999

Pas hanya berangan-angan kosong: MB

KUALA TERENGGANU, Rabu - Pas hanya mampu berangan-angan kosong untuk menawan beberapa negeri lagi dalam pilihan raya umum akan datang kerana tidak ada isu yang boleh membantu untuk mempengaruhi rakyat menyokong parti itu.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata begitulah gelagat Pas setiap kali menjelang pilihan raya umum bagi menarik simpati dan sokongan rakyat.

Katanya, pada pilihan raya umum 1994, Pas berangan-angan untuk menawan Terengganu selepas parti itu berjaya memerintah Kelantan pada pilihan raya umum 1990.

"Bagaimanapun, terbukti parti itu gagal mempengaruhi pengundi di negeri ini yang matang menilai kemampuan Barisan Nasional (BN) sejak memerintah Terengganu pada 1974," katanya mengulas dakwaan Pas untuk menawan sekurang-kurangnya tiga negeri di Semenanjung dalam pilihan raya umum nanti, termasuk Terengganu.

Menurutnya, dalam pilihan raya umum lalu, Pas hanya memenangi tujuh daripada 32 kerusi dewan undangan negeri yang ditandingi parti itu.

Wan Mokhtar yang juga Ketua Perhubungan Umno negeri berkata, walaupun pelbagai fitnah disebarikan Pas, BN yakin rakyat akan mengekalkan pemerintahannya di Terengganu.

"Setakat ini, saya tidak nampak peluang Pas memenangi pilihan raya umum di negeri ini kerana penyokong Umno masih setia dengan Umno," katanya.

Beliau berkata, jentera parti akan disusun dengan lebih kemas bagi memastikan Pas tidak berpeluang mempengaruhi rakyat dengan isu memfitnah pemimpin BN, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai wabak Japanese Encephalitis (JE), Wan Mokhtar berkata, rakyat negeri ini tidak perlu kerana Jabatan Kesihatan negeri sudah mengambil langkah pencegahan, termasuk membuat semburan bagi membunuh nyamuk Culex.

Katanya, tambahan pula, negeri ini tidak mempunyai ladang menternak babi dan pusat pemotongannya.

(END)